The Borneo Post: 14 November 2026

Dua lelaki didenda kerana simpan, bantu lupus harta curi

MIRI: Dua lelaki masing-masing didenda RM8,000 atau 12 bulan penjara oleh Mahkamah Majistret semalam kerana kesalahan menyimpan serta membantu melupuskan harta curi.

Tertuduh, Mohd Zulpadli Osman, 36, dari Bukit Kanada dan Mohamad Firman Shah Abdullah, 23, dari Pujut 5D di sini didakwa mengikut Seksyen 411 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun yang sama.

Mengikut kesalahan ini, mereka boleh dikenakan hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Menurut pertuduhan kes, kedua-dua tertuduh didapati dengan curang menyimpan harta curi iaitu sebuah tong gas PETROS milik seorang wanita berusia 31 tahun.

Kesalahan itu dilakukan mereka dengan niat bersama pada jam 9 malam, 9 November lalu di sebuah rumah kosong di Jalan Harmoni, Tudan Fasa 6 di sini.

Manakala bagi tuduhan kedua, kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 414 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama kerana kesalahan dengan sengaja membantu melupuskan harta curi iaitu empat bingkai tingkap aluminium milik wanita yang sama.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu dengan niat bersama pada jam 10 pagi, 7 November lalu di sebuah premis barangan lusuh di Permy Technology Park di sini.

Bagi kesalahan itu, mereka boleh dikenakan hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Setelah meneliti beberapa aspek termasuk pengakuan bersalah dan rayuan mereka, keterangan fakta kes, keseriusan kesalahan serta mengambil kira kepentingan awam, mahkamah kemudian mengenakan denda masing-masing RM3,000 atau enam bulan penjara ke atas kedua-dua tertuduh untuk kesalahan pertama.

Manakala bagi kesalahan kedua, mereka masing-masing didenda RM5,000 atau enam bulan penjara.

Pendakwaan kes dikendalikan pegawai pendakwa ASP Mary Ong di hadapan Majistret Umi Syukriah Harun, manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam bela.